

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
(BERTULIS) DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan:

- a) Peruntukan subsidi skim tanaman semula getah yang menggantikan pokok getah yang tidak ekonomik; dan
- b) Berapa jumlah sebenar yang diperuntukkan dan berapa orang pekebun kecil yang berjaya mendapat kelulusan skim tersebut dalam tempoh RMK-11.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

a) Peruntukan skim bantuan bagi Program Tanam Semula Getah Ke Getah adalah mengikut kadar seperti berikut:

- 1) RM 9,320.00 sehektar bagi Semenanjung Malaysia;
- 2) RM 14,000.00 sehektar bagi Negeri Sabah dan;
- 3) RM 13,500.00 sehektar bagi Negeri Sarawak.

Jumlah bantuan yang diperuntukan bagi Tahun 2020 adalah RM143,454,925. Daripada jumlah ini seramai 13,321 orang pekebun kecil di Semenanjung Malaysia, 792 orang di Negeri Sabah dan 1045 orang di Negeri Sarawak yang menerima faedah daripada program tersebut.

b) Selanjutnya, jumlah peruntukan Program Tanam Semula Getah Ke Getah dalam tempoh RMKe-11 adalah sejumlah RM 759,485,113. Daripada keseluruhan peruntukan ini, sejumlah RM503,490,506 diperuntukkan untuk Semenanjung Malaysia, RM157,380,422 untuk Negeri Sabah dan RM98,614,185 untuk Negeri Sarawak.

c) Manakala, bilangan Pekebun Kecil yang Berjaya mendapat kelulusan bantuan tersebut adalah berjumlah seramai 68,160 orang dengan pecahan seperti berikut:

- | | | |
|------|-------------|----------------|
| i. | Semenanjung | : 57,400 orang |
| ii. | Sabah | : 5,303 orang |
| iii. | Sarawak | : 5,457 orang |